



# PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

(No. Syarikat: 416087-U)  
(Diperbadankan di Malaysia)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**BERAS 2. INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas Syarikat Niaga Holdings Berhad (416087-U) akan diadakan pada 10.00 pagi di Concorde I, Concorde Hotel Shah Alam, Aras 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada Hari Rabu, 26 Jun 2013, pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:-

### SEBAGAI URUSAN BIASA

- Untuk menerima Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 serta Laporan Pengarah dan Jurauudit mengenainya.
- Untuk mengisytiharkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang disyorkan oleh para Pengarah Syarikat.
- Untuk memilih semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara secara giliran menurut Artikel 98 Tatauraan Syarikat:-  
(a) YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan  
(b) YBhg Dato' Syed Danial Bin Syed Ariffin  
(c) YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud
- Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut selaras dengan Seksyen 127(1) Akta Syarikat, 1965:-

#### Resolusi 1

#### Resolusi 2

#### Resolusi 3

#### Resolusi 4

#### Resolusi 5

#### Resolusi 6

#### Resolusi 7

#### Resolusi 8

#### Resolusi 9

#### Resolusi 10

ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekutuli yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit berhubung Akaun tersebut.

(b) seseorang Ahli adalah penama dikecuali yang diberi kuasa yang memegang saham dalam Syarikat bagi beberapa pemilik benefisiari dalam satu akaun sekutuli iaitu, Akaun Sekutuli Omnibus, tiada had bagi bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini dikecuali yang diberi kuasa tersebut berhubung setiap Akaun Sekutuli Omnibus yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit berhubung dengan Akaun Sekutuli Omnibus tersebut.

Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih orang proksi (mengikut keadaan tertentu), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.

5. Surat cara pelantikan seseorang proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang dilantik di bawah Surat Kuasa Wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah dimeterai dengan cop mohornya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah Surat Kuasa Wakil tersebut. Jika Borang Proksi ini dibuat secara bertulis oleh pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberkuasaan yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pemansuhan diterima." Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh wakil di bawah Surat Kuasa Wakil, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani di bawah Surat Kuasa Wakil yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pemansuhan diterima." Selain dokumen Pemberkuasaan atau Surat Kuasa Wakil yang sah mengikut undang-undang di bawah bidang kuasa di mana ia dibuat dan dilaksanakan, haruslah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.

6. Sebarang perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat boleh melantik resolusi oleh Pengarah-pengarah atau proksi berkuasa yang berkalat, memberikan kuasa kepada seseorang yang difikirkan layak oleh mereka untuk menjadi wakil ke Mesyuarat mengikut Artikel 82 Tatauraan Syarikat.

7. Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat berlangsung atau sebarang penangguhannya.

8. Dalam sebarang mesyuarat agung, resolusi yang diundi semasa Mesyuarat akan diputuskan dengan mengangkat tangan kecuali tuntutan suara pungutan suara diadakan (sebelum atau apabila keputusan undian mengangkat tangan disyorkan) dibuat oleh sama ada:-

- Pengerusi (sebagai individu yang layak mengundi); atau
- tidak kurang daripada dua orang Ahli yang hadir sendiri atau berwakilkan proksi dan layak untuk mengundi; atau
- seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan mewakili tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada keseluruhan hak mengundi semua Ahli yang berhak mengundi di Mesyuarat tersebut; atau
- seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan memegang saham dalam Syarikat yang memberi hak untuk mengundi di Mesyuarat yang merupakan proksi pada jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua saham yang memberi hak berkenaan.

9. Suatu tuntutan undian diadakan pungutan suara boleh ditolak balik. Melainkan pungutan suara dituntut (dan tuntutan tersebut tidak ditolak balik), satu deklarasi oleh Pengerusi bahawa satu resolusi telah dilaksanakan atau dilaksanakan secara sebulat suara, atau melalui satu majoriti khusus, atau tewas dan satu catatan mengenainya dibuat dalam buku minit, hendaklah dianggap sebagai pengesahan mutlak perkara tersebut tanpa memerlukan bukti tentang bilangan atau pecahan undian yang dicatat menyokong atau menentang resolusi sedemikian.

10. Tiada pungutan suara akan dituntut berhubung penunjukan Pengerusi atau persoalan tentang penangguhan. Suatu pungutan suara yang dituntut berhubung sebarang persoalan lain hendaklah dilaksanakan serta-merta atau pada masa kemudiannya (tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat) dan tempat yang diarahkan oleh Pengerusi. Tiada notis perlu diberikan mengenai pungutan suara yang tidak dimaki dengan serta-merta.

11. Dalam mesyuarat, undian boleh dibuat sendiri atau melalui proksi dan individu yang berhak ke atas lebih daripada satu undi, tidak perlu menggunakan semua undian beliau atau mengundi semua hak undinya dalam cara yang sama.

### 12. Nota Penerangan Dan Penyata Kesan Untuk Urusan Biasa dan Urusan Khas:-

#### Urusan Biasa

##### Resolusi 6: Resolusi Biasa 1 - Dilantik semula menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Jawatankuasa Pencilan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Atas persetujuan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Jawatankuasa Pencilan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyorkan agar YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang akan mencapai usia 70 tahun, dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 berdasarkan kepada sebab-sebab berikut:-

- YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas selama hampir tiga belas (13) tahun. Sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Syarikat, Pengarah Bebas Kanan Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Audit Syarikat dan Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan, Kawan Dalam dan Dasar Risiko ("CICR") Syarikat, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah menjaga kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas semasa proses perincian dan apabila membuat keputusan dalam Mesyuarat/Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat CICR.
- YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah terbukti sebagai seorang Pengarah Bebas/Pengerusi Jawatankuasa Audit/Pengerusi CICR yang beribawa dengan profesionalisme, kemahiran dan pandangan beliau terhadap persekitarannya.

##### Resolusi 7: Pelantikan Tuan KPMG sebagai Jurauudit Syarikat bagi menggantikan Jurauudit yang bersara, Tuan Ernst & Young

Jurauudit kami, Tuan Ernst & Young telah menyuarakan hasrat mereka untuk tidak menawarkan perkhidmatan semula di Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas Syarikat. Syarikat telah menerima Notis Pencilan Jurauudit menurut Seksyen 172(1) Akta Syarikat, 1965 bagi pencilan Tuan KPMG sebagai Jurauudit Syarikat menggantikan jurauudit yang bersara, Tuan Ernst & Young. Satu salinan Notis Pencilan Jurauudit bertarikh 22 Mei 2013 telah diserahkan sebagai "Lampiran A" di Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas ini.

#### Urusan Khas

##### Resolusi 8: Resolusi Biasa 2 - Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

Resolusi Biasa yang dicadangkan di bawah Agenda 6 dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas bertarikh 4 Jun 2013 bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan pembersihan kepada mandai atau memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, dari tarikh Mesyuarat di atas, untuk menerbitkan dan mempermudahkan saham-saham biasa daripada modal saham yang belum diterbitkan untuk tujuan-tujuan yang sesuai, mengikut pertimbangan para Pengarah Syarikat untuk kepentingan Syarikat. Kuasa ini, kecuali dibatal atau diubah dalam satu Mesyuarat Agung, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Kuasa ini akan memberi fleksibiliti kepada Syarikat untuk mempermudahkan saham-saham untuk perolehan dan yang mungkin berlaku, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan saham-saham, pendaan pelaburan masa hadapan dan/atau modal kerja.

Sehingga tarikh Notis ini, Syarikat tidak melaksanakan cadangannya untuk mempermudahkan saham-saham baru di bawah mandai atau menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 seperti yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas Syarikat yang diadakan pada 26 Jun 2012.

##### Resolusi 9 & 10: Resolusi Biasa 3 & 4 - Penerusan Perkhidmatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pencilan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh selama lebih sembilan (9) tahun secara kumulatif, dan dengan persetujuan mereka, telah menyorkan agar kedua-dua mereka diberi kuasa untuk meneruskan perkhidmatan mereka sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berdasarkan justifikasi berikut:-

- mereka memenuhi kriteria takrifan Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyeranaan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka sebagai para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat;
- pengalaman mereka yang luas akan membolehkan mereka menyumbang pelbagai pengalaman, kepakaran dan pertimbangan bebas kepada Lembaga Pengarah untuk membolehkan mereka mengurus dan mengendalikan Kumpulan dengan baik;
- mereka telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas untuk tempoh selama lebih daripada sembilan (9) tahun secara kumulatif yang mana sepanjang jangka-masa tersebut, mereka telah berkhidmat menjaga kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas mereka semasa proses perincian dan apabila membuat keputusan dalam mesyuarat-mesyuarat Syarikat dan mereka memahami operasi perniagaan Syarikat serta pasaran industri air; dan
- kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang beribawa dengan profesionalisme, kemahiran dan pandangan mereka terhadap persekitarannya, mempermudahkan masa dan perhatian yang mencukupi bagi meluluskan kewajipan profesional mereka terhadap proses membuat keputusan secara terkumpul dan seimbang dan juga telah menampilkan keprihatinan yang sewajarnya sepanjang tempoh mereka memegang jawatan untuk kepentingan Syarikat dan para pemegang saham.

### Perlantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

"BAHAWA YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

5. Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan resolusi berikut dengan Notis Pencilan Jurauudit menurut Seksyen 172(1) Akta Syarikat, 1965 seperti yang dibentangkan dalam Lampiran A dalam Notis Mesyuarat ini:-

"BAHAWA Tuan KPMG, yang telah memberi persetujuan untuk berkhidmat sebagai Jurauudit Syarikat secara bertulis, adalah dan dengan ini dilantik sebagai Jurauudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 menggantikan Tuan Ernst & Young yang telah menyatakan hasrat untuk tidak menawarkan perkhidmatan semula di Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas Syarikat yang akan datang dan untuk memegang jawatan hingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya DAN BAHAWA, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk menetapkan ganjaran mereka."

### SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi-resolusi Biasa berikut:-

#### 6. Resolusi Biasa 2

##### Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

"BAHAWA sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tatauraan Syarikat dan kelulusan pihak-pihak berkuasa kerajaan/penguatkuasa peraturan, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini diberi kuasa, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan dan mempermudahkan saham di dalam Syarikat, dari semasa ke semasa, dan menurut terma-terma dan syarat-syarat serta untuk tujuan-tujuan yang sesuai menurut pertimbangan para Pengarah Syarikat dengan syarat agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada masa tersebut, DAN BAHAWA, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini turut diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyeranaan dan sebahadug saham tambahan untuk diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad, DAN SETERUSNYA BAHAWA, kuasa sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

#### 7. Resolusi Biasa 3

##### Penerusan Perkhidmatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"BAHAWA YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat selama lebih sembilan tahun secara kumulatif, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan untuk memegang jawatan tersebut sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

#### 8. Resolusi Biasa 4

##### Penerusan Perkhidmatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"BAHAWA YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat selama lebih sembilan tahun secara kumulatif, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan untuk memegang jawatan tersebut sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

9. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

### NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**NOTIS ADALAH DAN DENGAN INI DIBERI BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas Syarikat untuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 di bawah Resolusi 2, dividen ini akan dibayar pada 6 Ogos 2013 kepada para Pendeposit yang nama mereka terkandung dalam Rekod Pendeposit Syarikat pada 15 Julai 2013.

Seseorang Pendeposit layak mendapat dividen tersebut hanya sekiranya:-

- Saham-saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekutuli Pendeposit sebelum pukul 4.00 petang pada 15 Julai 2013 bagi pemindahan biasa;
- Saham-saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad pada asas hak kelayakan menurut peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

### DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)

LIM YEW HEANG (MAICSA 7007653)

Setiausaha - setiausaha

Shah Alam

4 Jun 2013

- Nota:-
- Berhubung sekutuli yang dideposit, hanya Ahli yang namanya terkandung dalam Rekod Pendeposit pada 18 Jun 2013 (Rekod Depostori Mesyuarat Agung) akan layak untuk hadir, bersuara dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas ini.
  - Seseorang Ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihak dirinya.
  - Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 adalah tidak terpakai kepada Syarikat. Tiada sebarang sekatan terhadap kelayakan seseorang proksi.
  - Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi di Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika,
    - seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Depositori Pusat,